



Ruj. Kami : JPA 215/53 PERK
Tarikh : 16 April 2008

SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

BORANG PENGIKTIRAFAN TAHAP KEPAKARAN ICT SEKTOR AWAM PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT PERKHIDMATAN GUNA SAMA PERSEKUTUAN

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang melaksanakan pelan tindakan bagi mewujudkan kumpulan kepakaran ICT Sektor Awam yang akan menjadi perunding untuk mengetuai perancangan, pembangunan dan pemantauan projek-projek ICT utama di Sektor Awam.

3. Bagi melaksanakan pelan tindakan tersebut, Jawatankuasa Pengiktirafan Kepakaran ICT (JPKICT) Sektor Awam telah ditubuhkan bertujuan antara lain untuk mengenalpasti, menilai dan memilih Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) perkhidmatan guna sama Persekutuan yang berkelayakan untuk dipertimbangkan sebagai perunding ICT Sektor Awam. Untuk Fasa Pertama pelaksanaannya, JPKICT telah bersetuju menetapkan kriteria iaitu menawarkan kepada **PTM Gred F48 dan ke atas dan memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana dalam bidang ICT** atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf kerajaan.

4. Sehubungan ini, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk memanjangkan borang dan panduan mengisi borang kepada PTM berkenaan yang berkhidmat di bawah agensi masing-masing. Tuan/Puan juga dipohon menasihatkan PTM berkenaan untuk mengakses borang tersebut melalui Portal JPA iaitu www.jpa.gov.my. Borang yang telah dikemaskini hendaklah dikembalikan **sebelum atau pada 28 April 2008** kepada alamat di bawah;


Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 6, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Abdul Rahim bin Ishak)

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“JPA PENERAJU PERKHIDMATAN AWAM”

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL RAHIM BIN ISHAK)

Timbalan Pengarah
Bahagian Perkhidmatan,
b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA

Panduan Mengisi Borang Pengiktirafan Kepakaran ICT

Bahagian	Bil.	Penjelasan
BAHAGIAN A, B dan C diisi oleh CALON		
A	01	Nyatakan pilihan UTAMA bidang teras kepakaran ICT sesuai dengan kecenderungan dan kelayakan calon. Calon perlu mengemukakan semua salinan sijil dan dokumen sokongan yang berkaitan dengan bidang teras pilihan UTAMA ini seperti dinyatakan dalam Bahagian C – 13.
A	02	Nyatakan pilihan KEDUA bidang teras kepakaran ICT. Bagi pilihan kedua calon TIDAK PERLU mengemukakan sebarang dokumen sokongan.
C	14	Nyatakan pengalaman kerja seperti mengikut templat seperti di LAMPIRAN I . Senaraikan semua dokumen tersebut dengan menggunakan templat seperti LAMPIRAN II .
C	15	KONSULTANSI membawa maksud sebarang tugas di mana calon memberi pandangan/ pendapat/ nasihat dan menghasilkan laporan bertulis berdasarkan peranannya sebagai perunding. PROGRAM KOLABORASI membawa maksud usahasama yang menghasilkan laporan dengan mana-mana institusi di dalam dan luar negara.
C	16	KHIDMAT NASIHAT membawa maksud sebarang tugas di mana calon memberi pandangan/ pendapat/ nasihat berdasarkan peranannya dalam sesuatu jawatankuasa/pasukan petugas/ kumpulan teknikal.
D		PERAKUAN CALON adalah merujuk kepada semua maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A, B dan C.
BAHAGIAN E dan F perlu diisi oleh Ketua Jabatan berdasarkan maklumat dari Buku Perkhidmatan/Fail Perkhidmatan Calon		
E	23	Kefasihan bahasa ditentukan berdasarkan ; - Penilaian Ketua Jabatan, atau - Pencapaian penilaian Bahasa Inggeris seperti ELPA ,IELTS,

		TOEFL.
E		PERAKUAN KETUA JABATAN adalah merujuk kepada semua maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian E dan F.